



COVENT Garden Soloist Orchestra yang cukup berpengalaman dalam muzik orkestra akan membuat persembahan di malam gala Konsert Toyota Classics tahun

# Bantu melalui muzik

Penganjuran Konsert Toyota Classics sebagai bukti

Oleh MUHAMMAD AZRUL MOHD. RADI  
 Gambar MOHAMMAD ZULKIFLI TAHIR  
 (Pelatih UNIMAS)



BuletinHits

MUZIK klasik dengan alunan muzik orkestra sesuatu yang asing bagi kebanyakan rakyat tempatan. Walaupun asing, ia masih lagi mempunyai kelompok peminat tersendiri dan kini semakin mendapat perhatian peminat muzik tempatan.

Buktinya, tahun ini menyaksikan Konsert Toyota Classics bakal menyambut ulang tahun ke-25 penganjurannya dan membuktikan, muzik orkestra klasik masih mendapat perhatian.

Sebagai menghargai sokongan peminat muzik, UMW Toyota Motor selaku penganjur tahun ini membawakan

pemuzik hebat termasuklah pemain biola Vasko Vassilev, Pamela Nicholson, Covent Garden Soloist Orchestra yang bakal dipimpin konduktor terkemuka dunia, Miguel Angel Navarro.

Tidak setakat menghadirkan muzik orkestra terhebat, konsert Toyota Classics kali ini juga bakal menjadi konsert kutipan dana terlama dianjurkan di tanah air.

Menurut Presiden UMW Toyota, Datuk Ismet Suki, Toyota Classics bukan setakat muzik sahaja, malah telah membantu mereka yang memerlukan.

"Tema pada tahun ini ialah 'muzik yang mengerakkan kehidupan' dan rasanya ini adalah salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat bagi syarikat untuk masyarakat," katanya ketika ditemui dalam sidang akhbar konsert itu di Hotel Hilton, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Covent Garden Soloist Orchestra dianggotai oleh bukan calang-calang pemuzik. Sebaliknya, mereka telah mendapat pujian tinggi ketika membuat



(DARI kiri) Pembantu Pengasas Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia, Cik Norshahida Khalid; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Chua Chong Hee; Ahli Lembaga, Yayasan Paru-Paru Malaysia; Datuk Dr. Aziah Ahmad Mahayiddin; Presiden UMW Toyota Motor, Datuk Ismet Suki dan Pengurus Jabatan Hal Ehwal Luar, Bahagian Pemasaran UMW Toyota Motor, Puvanewary Raja Raman.

persembahan di benua Eropah.

Pada malam itu juga, Vasko Vassilev akan membuat persembahan biola secara solo sementara Pamela Nicholson pula akan bermain piano yang juga bertanggungjawab menyusun lagu dan


komposer kepada kumpulan orkestra itu.

Malam itu juga bakal menyaksikan buat pertama kalinya Pamela Nicholson akan mempersembahkan susunan muzik terbaharunya yang turut melibatkan runut bunyi daripada beberapa buah filem terbaharu.

Menurut Ismet lagi, sehingga kini menerusi kutipan tiket konsert dan dana korporat yang diberi menerusi Toyota Classics, mereka telah berjaya menyumbangkan sebanyak RM7 juta kepada 56 organisasi kebajikan.

Malam gala konsert yang akan diadakan pada 11 November di Dewan F ilharmonik Petronas juga bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi Yayasan Paru-Paru Malaysia (LFM), Yayasan Buah Pinggang Nasional (NKF) dan Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia.

Tiket bermula serendah RM 60 hingga RM 220 dan boleh dibeli menerusi Box-Office di talian 03-2051 7007 atau e-mel, [dfp\\_boxoffice@petronas.com.my](mailto:dfp_boxoffice@petronas.com.my).



VASKO VASSILEV



PAMELA NICHOLSON